

AKTA LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA  
(PERBADANAN) 1973

PERATURAN PERINDUSTRIAN KAYU (TAHAP PEMBEBASAN FORMALDEHID  
DARIPADA PRODUK BERASASKAN PANEL) 2019

---

SUSUNAN PERATURAN

---

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pemakaian
4. Tahap pembebasan formaldehid daripada produk berasaskan panel
5. Pengujian tahap pembebasan formaldehid daripada produk berasaskan panel
6. Kewajipan pengeluar dan pengimport untuk mengemukakan laporan pengujian
7. Penalti

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA  
(PERBADANAN) 1973

PERATURAN PERINDUSTRIAN KAYU (TAHAP PEMBEBASAN FORMALDEHID  
DARIPADA PRODUK BERASASKAN PANEL) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 (2)(f) Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) 1973 [*Akta 105*], Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan Perindustrian Kayu (Tahap Pembebasan Formaldehid daripada Produk Berasaskan Panel) 2019**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada ..... dan hendaklah terpakai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini –

“formaldehid” ertinya gas beracun, tidak berwarna berbau sengit digunakan sebagai pengawet dalam sintesis kimia dan dalam pembuatan resin sintetik;

“produk panel” ertinya produk panel berasaskan kayu yang diperbuat daripada kayu atau bahan lignoselulosa lain dalam bentuk sama ada venir, serpai, partikel, kepingan atau gentian yang diproses menggunakan perekat sintetik;

“Pengeluar” ertinya seseorang yang mengeluarkan (menghasilkan) atau yang mengilang dan membekal kayu yang disenaraikan di Jadual Pertama, untuk pasaran dalam negeri; dan

“Pengimport” ertinya seseorang yang mengimport kayu yang disenaraikan di Jadual Pertama.

### **Pemakaian**

3. Peraturan ini hendaklah terpakai bagi pengeluar yang mengeluarkan, mengilang dan membekal dan pengimport yang mengimport produk berasaskan panel yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

### **Kewajipan untuk mematuhi**

4. Pengeluar yang mengeluarkan, mengilang dan membekal dan pengimport yang mengimport produk berasaskan panel yang dinyatakan dalam Jadual Pertama hendaklah mematuhi kadar tahap pembebasan formaldehid yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

### **Pengujian tahap pembebasan formaldehid daripada produk berasaskan panel**

5. (1) Pengeluar dan pengimport hendaklah memastikan bahawa pengujian tahap pembebasan formaldehid dijalankan di makmal yang telah memperolehi akreditasi daripada badan akreditasi kebangsaan yang merupakan ahli kepada Asia

Pacific Accreditation Cooperation (APAC) atau International Laboratory Accreditation Cooperation (ILAC).

(2) Lembaga berhak untuk menolak laporan pengujian yang dikeluarkan oleh makmal yang tidak diakreditasi sebagaimana yang ditetapkan dalam subperaturan (1).

### **Kewajipan pengeluar dan pengimport untuk mengemukakan laporan pengujian formaldehid**

6. (1) Pengeluar hendaklah mengemukakan laporan pengujian yang dikeluarkan di bawah peraturan 5 bagi mematuhi peruntukan yang ditetapkan oleh Lembaga dalam mana-mana prosedur penilaian pematuhan produk panel yang dibangunkan oleh Lembaga.

(2) Pengimport hendaklah mengemukakan laporan pengujian yang dikeluarkan di bawah peraturan 5 bersama dokumen lain yang ditetapkan oleh Lembaga bagi permohonan suatu lesen import.

### **Penalti**

7. Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Jadual Pertama**  
**[Peraturan 3]**

**PRODUK BERASASKAN PANEL**

<b>Keluaran Kayu</b>	<b>Pengharmonian Sistem Pemerihalan dan Pengekodaan Komoditi</b>
Papan Partikel / Papan Serpai	44.10
Papan Gentian	44.11
Papan Lapis	44.12

**Jadual Kedua**  
**[Peraturan 4]**

**TAHAP PEMBEBASAN FORMALDEHID YANG DIBENARKAN MENGIKUT KAEDAH  
 PENENTUAN**

<b>Perkara</b>	<b>Kelas pembebasan formaldehid<sup>1</sup></b>		
	<b>Kaedah <i>Dessicator</i></b>	<b>Kaedah <i>Perforator</i></b>	<b>Kaedah <i>Chamber</i></b>
Tahap pembebasan formaldehid yang dibenarkan	<b>F** F*** F****</b>	<b>E1 atau E0 atau Super E0</b>	<b>E1 atau E0 atau Super E0</b>
Standard – Kaedah pengujian	<i>MS 1787-Part 15, ISO 12460-4,</i>	<i>MS 1787-Part 14, ISO 12460-5,</i>	<i>ISO 12460-1, ISO 12460-2,</i>

Standard - Spesifikasi	Papan Lapis: MS 228 Papan Gentian: MS 1912 Papan Partikel / Papan Serpai: MS 1036
---------------------------	---

<sup>1</sup> Nilai tahap pembebasan formaldehid adalah berdasarkan kepada MS (spesifikasi) yang dinyatakan

Dibuat  
[ 2019 ]

TERESA KOK SUH SIM  
Menteri Industri Utama